



26 Januari 2017
26 January 2017
P.U. (A) 37

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT 2017

COMPANIES REGULATIONS 2017



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SYARIKAT 2016
PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT 2017

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Penyerahsimpanan dokumen atau permohonan melalui sistem pemfailan elektronik
4. Rayuan melalui sistem pemfailan elektronik
5. Penyerahsimpanan dokumen, dsb., melalui cara lain
6. Akses kepada sistem pemfailan elektronik
7. Penyempurnaan dan penyimpanan dokumen
8. Fi
9. Maklumat atau dokumen tambahan
10. Afidavit dan akuan berkanun
11. Maklumat atau dokumen yang diperakui oleh Pendaftar
12. Pembatalan

JADUAL

AKTA SYARIKAT 2016

PERATURAN-PERATURAN SYARIKAT 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 613 Akta Syarikat 2016 [Akta 777], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Syarikat 2017**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 31 Januari 2017.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, “sistem pemfailan elektronik” ertinya sistem pemfailan elektronik yang disediakan oleh Pendaftar bagi maksud penyerahsimpanan apa-apa dokumen, atau membuat apa-apa permohonan atau rayuan sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar.

Penyerahsimpanan dokumen atau permohonan melalui sistem pemfailan elektronik

3. Semua dokumen yang dikehendaki untuk diserahkan simpan dengan Pendaftar di bawah Akta, dan semua permohonan bagi apa-apa perkara sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual, hendaklah diserahkan simpan atau dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, melalui sistem pemfailan elektronik melainkan jika diarahkan selainnya oleh Pendaftar.

Rayuan melalui sistem pemfailan elektronik

4. (1) Bagi maksud suatu rayuan kepada Menteri di bawah seksyen 27 atau 247 Akta, orang yang terkilang hendaklah—

(a) mengemukakan rayuan itu kepada Pendaftar melalui sistem pemfailan elektronik melainkan jika diarahkan selainnya oleh Pendaftar; dan

(b) menyatakan alasan rayuan.

(2) Apabila diterima rayuan di bawah subperaturan (1), Pendaftar hendaklah, secepat yang dapat dilaksanakan, mengemukakan rayuan itu bersama dengan alasan rayuan kepada Menteri.

(3) Menteri hendaklah membuat keputusan ke atas rayuan itu dan menyebabkan keputusan itu dimaklumkan kepada orang yang terkilang itu.

Penyerahsimpanan dokumen, dsb., melalui cara lain

5. Jika tidak praktik atau tidak mungkin boleh bagi apa-apa dokumen, permohonan atau rayuan yang disebut dalam peraturan 3 atau 4 untuk diserahkan atau dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, melalui sistem pemfailan elektronik, Pendaftar boleh membenarkan dokumen, permohonan atau rayuan itu diserahkan atau dibuat mengikut apa-apa cara lain yang difikirkannya patut.

Akses kepada sistem pemfailan elektronik

6. (1) Tertakluk kepada subperaturan (3), bagi maksud penyerahsimpanan apa-apa dokumen, atau membuat permohonan atau rayuan yang disebut dalam peraturan 3 atau 4, mengikut mana-mana yang berkenaan, melalui sistem pemfailan elektronik, Pendaftar boleh memberi seorang atau lebih setiausaha syarikat akses kepada sistem pemfailan elektronik.

(2) Setiausaha syarikat yang diberi akses kepada sistem pemfailan elektronik di bawah subperaturan (1) hendaklah menyerahkan simpanan dokumen itu, atau membuat permohonan atau rayuan itu, bagi pihak syarikat atau pengarah syarikat itu.

(3) Pendaftar boleh memberi mana-mana orang lain akses kepada sistem pemfailan elektronik bagi maksud penyerahsimpanan dokumen, atau membuat permohonan atau rayuan yang disebut dalam peraturan 3 atau 4, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika orang itu dibenarkan untuk menyerahkan simpanan dokumen itu, atau membuat permohonan atau rayuan itu di bawah Akta.

Penyempurnaan dan penyimpanan dokumen

7. Suatu syarikat atau pengarah suatu syarikat hendaklah memastikan bahawa semua dokumen, permohonan atau rayuan yang diserahkan atau dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, melalui sistem pemfailan elektronik adalah—

(a) teratur dan disempurnakan dengan sepatutnya; dan

(b) disimpan di pejabat berdaftar syarikat itu.

Fi

8. (1) Fi berkenaan dengan apa-apa penyerahsimpanan dokumen, atau apa-apa permohonan atau rayuan bagi apa-apa perkara, yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual.

(2) Fi sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah dibayar kepada Pendaftar mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar.

(3) Apa-apa kegagalan untuk membayar fi yang disebut dalam subperaturan (2) akan menyebabkan penyerahsimpanan dokumen, permohonan atau rayuan itu terbatal.

(4) Jika penyerahsimpanan dokumen, permohonan atau rayuan ditarik balik, fi yang telah dibayar berkenaan dengan penyerahsimpanan dokumen, permohonan atau rayuan itu tidak boleh dibayar balik.

(5) Pendaftar boleh mengurangkan atau mengetepikan, sebahagian atau keseluruhan, apa-apa fi yang dinyatakan dalam Jadual.

Maklumat atau dokumen tambahan

9. Bagi maksud Akta, Pendaftar boleh menghendaki apa-apa maklumat atau dokumen tambahan untuk dikemukakan kepada Pendaftar mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar.

Afidavit dan akuan berkanun

10. (1) Jika suatu syarikat membuat suatu afidavit atau akuan berkanun, afidavit atau akuan berkanun itu hendaklah diangkat sumpah atau dibuat akuan oleh mana-mana pengarah syarikat itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh syarikat itu.

(2) Jika suatu afidavit atau akuan berkanun berupa sebagai diangkat sumpah atau dibuat akuan di suatu tempat di luar Malaysia, afidavit atau akuan berkanun itu hendaklah mencukupi bagi maksud Akta jika afidavit atau akuan berkanun itu berupa sebagai diangkat sumpah atau dibuat akuan mengikut undang-undang tempat itu.

Maklumat atau dokumen yang diperakui oleh Pendaftar

11. Pendaftar boleh memperakui, secara elektronik atau selainnya, apa-apa maklumat, dokumen, atau apa-apa salinan atau apa-apa cabutan daripada apa-apa dokumen, yang diserahkan simpan dengan Pendaftar sebagai maklumat sebenar, dokumen sebenar atau salinan atau cabutan sebenar daripada dokumen itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pembatalan

12. Peraturan-Peraturan Syarikat 1966 [*P.U. (A) 173/1966*] dibatalkan.

JADUAL
(Peraturan 8)

FI

(1) <i>Bil.</i>	(2) <i>Perkara</i>	(3) <i>Fi (RM)</i>
1.	Permohonan bagi pemerbadanan di bawah seksyen 14 Akta: <i>(a)</i> syarikat berhad menurut syer <i>(b)</i> syarikat berhad menurut jaminan <i>(c)</i> syarikat tidak berhad	 1,000.00 3,000.00 1,000.00
2.	Rayuan kepada Menteri di bawah seksyen 27 atau 247 Akta	300.00
3.	Permohonan bagi perizaban nama syarikat di bawah seksyen 27 Akta	50.00 bagi setiap tiga puluh hari atau sebahagiannya dengan tempoh maksimum 180 hari
4.	Permohonan bagi pertukaran nama syarikat di bawah seksyen 28 Akta	100.00
5.	Penyerahsimpanan pengubahan atau pindaan perlembagaan di bawah seksyen 36 Akta	30.00
6.	Penyerahsimpanan notis bagi penukaran daripada syarikat tidak berhad kepada syarikat berhad di bawah seksyen 40 Akta	500.00
7.	Penyerahsimpanan notis bagi penukaran daripada syarikat awam kepada syarikat persendirian atau daripada syarikat persendirian kepada syarikat awam di bawah 41 Akta	500.00

8.	Permohonan kepada Menteri di bawah seksyen 45 Akta	300.00
9.	Penyerahsimpanan penyata tahunan di bawah seksyen 68 Akta: (a) syarikat persendirian (b) syarikat awam	150.00 500.00
10.	Permohonan bagi pelanjutan masa untuk memberi notis di bawah seksyen 143 Akta	100.00
11.	Permohonan kepada Menteri bagi pengecualian daripada pemakaian Subpenggal 9 di bawah seksyen 153 Akta	300.00
12.	Penyerahsimpanan prospektus yang didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671] di bawah seksyen 154 Akta	1,000.00
13.	Penyerahsimpanan dan permohonan bagi pendaftaran prospektus di bawah seksyen 155 Akta	2,000.00
14.	Penyerahsimpanan dan permohonan bagi pendaftaran prospektus tambahan atau gantian di bawah seksyen 166 Akta	1,000.00
15.	Permohonan kepada Menteri bagi perintah di bawah seksyen 177 Akta	300.00
16.	Penyerahsimpanan akuan berkanun untuk memulakan perniagaan atau untuk menjalankan apa-apa kuasa meminjam di bawah seksyen 190 Akta	500.00
17.	Permohonan bagi pelanjutan masa untuk membekalkan penyata penilaian aset dan liabiliti syarikat di bawah seksyen 256 Akta	100.00

18.	<p>Penyerahsmpnan penyata kewangan dan laporan di bawah seksyen 259 Akta:</p> <p>(a) syarikat persendirian</p> <p>(i) penyata kewangan dan laporan teraudit</p> <p>(ii) penyata kewangan dan laporan tidak teraudit</p> <p>(b) syarikat awam</p> <p>(i) penyata kewangan dan laporan teraudit</p>	<p>50.00</p> <p>20.00</p> <p>200.00</p>
19.	Permohonan bagi pelanjutan masa untuk penyerahsmpnan penyata kewangan dan laporan di bawah seksyen 259 Akta	100.00
20.	Penyerahsmpnan perakuan yang berhubungan dengan syarikat persendirian terkecuali di bawah seksyen 260 Akta	200.00
21.	Penyerahsmpnan pemberitahuan firma juruaudit baharu di bawah seksyen 265 Akta	500.00
22.	Permohonan bagi pelantikan juruaudit di bawah seksyen 268 Akta	500.00
23.	Permohonan bagi pelanjutan masa untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan di bawah seksyen 340 Akta	100.00
24.	<p>Permohonan bagi pendaftaran gadaian di bawah seksyen 352, 354, 355 atau 356 Akta:</p> <p>(a) syarikat persendirian dan syarikat awam</p> <p>(b) syarikat asing</p>	<p>300.00</p> <p>500.00</p>
25.	Penyerahsmpnan notis penyerahhakan atau pengubahan gadaian di bawah seksyen 359 Akta:	

	(a) syarikat persendirian dan syarikat awam	100.00
	(b) syarikat asing	300.00
26.	Penyerahsimpanan butir-butir pembayaran, penyelesaian, pelepasan atau pemberhentian yang berhubungan dengan gadaian di bawah seksyen 360 Akta: (a) syarikat persendirian dan syarikat awam (b) syarikat asing	50.00 150.00
27.	Permohonan untuk memotong syarikat daripada daftar di bawah seksyen 550 Akta	100.00
28.	Penyerahsimpanan bantahan untuk memotong syarikat daripada daftar di bawah seksyen 552 Akta	300.00
29.	Penyerahsimpanan notis penarikan balik permohonan untuk memotong syarikat daripada daftar di bawah seksyen 553 Akta	500.00
30.	Permohonan di bawah seksyen 556 Akta: (a) bagi Pendaftar untuk mewakili syarikat yang dibubarkan (b) bagi Pendaftar untuk menyempurnakan atau menandatangani apa-apa surat cara atau dokumen yang berhubungan dengan perwakilan syarikat yang dibubarkan	500.00 500.00 bagi setiap penyempurnaan atau tandatangan surat cara atau dokumen
31.	Permohonan bagi Pendaftar untuk menjual atau melupuskan harta syarikat yang dibubarkan di bawah seksyen 558 Akta	30% daripada hasil jualan atau pelupusan harta + kos yang ditanggung yang bersampingan dengan jualan atau pelupusan harta itu

32.	<p>Permohonan bagi pendaftaran syarikat asing di bawah seksyen 562 Akta:</p> <p>(a) dengan modal syer</p> <p>(i) tidak lebih daripada RM1,000,000.00</p> <p>(ii) melebihi RM1,000,000.00 tetapi tidak melebihi RM10,000,000.00</p> <p>(iii) melebihi RM10,000,000.00 tetapi tidak melebihi RM50,000,000.00</p> <p>(iv) melebihi RM50,000,000.00 tetapi tidak melebihi RM100,000,000.00</p> <p>(v) melebihi RM100,000,000.00</p> <p>(b) tanpa modal syer</p>	<p></p> <p>5,000.00</p> <p>20,000.00</p> <p>40,000.00</p> <p>60,000.00</p> <p>70,000.00</p> <p>70,000.00</p>
33.	Permohonan bagi pertukaran nama syarikat asing di bawah seksyen 567 Akta	250.00
34.	Penyerahsimpanan penyata kewangan dan laporan syarikat asing di bawah seksyen 575 Akta	200.00
35.	Penyerahsimpanan penyata tahunan syarikat asing di bawah seksyen 576 Akta	500.00
36.	Permohonan kepada Menteri bagi pengisytiharan penyiasatan syarikat atau syarikat asing di bawah seksyen 590 Akta	300.00
37.	Permohonan bagi penyiasatan daftar di bawah seksyen 601 Akta	10.00
38.	Permohonan bagi salinan atau cabutan daripada dokumen, pemberitahuan atau perakuan di bawah seksyen 601 Akta	10.00

39.	Permohonan bagi pembetulan daftar di bawah seksyen 602 Akta	300.00
40.	Permohonan bagi pelanjutan masa bagi penyerahsimpanan dokumen di bawah seksyen 609 Akta	100.00
41.	Permohonan bagi perakuan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan syarikat atau syarikat asing yang diserahkan simpan dengan Pendaftar	10.00
42.	Permohonan bagi salinan profil korporat syarikat atau perbadanan oleh— <i>(a)</i> kementerian, jabatan atau agensi Kerajaan Persekutuan <i>(b)</i> mana-mana orang lain <i>(i)</i> melalui cara elektronik <i>(ii)</i> melalui selain cara elektronik	Tiada 10.00 30.00
43.	Permohonan bagi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan syarikat atau perbadanan <i>(a)</i> melalui cara elektronik <i>(b)</i> melalui selain cara elektronik	 20.00 30.00
44.	Permohonan bagi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan penglibatan pemegang saham, pengarah, setiausaha, juruaudit atau penyelesaian dalam mana-mana syarikat	50.00
45.	Permohonan bagi pengeluaran apa-apa perakuan atau salinan perakuan yang berhubungan dengan syarikat	20.00
46.	Penyerahsimpanan perintah mahkamah kecuali perintah mahkamah yang dilampirkan pada apa-apa permohonan di bawah Akta	100.00

47.	Permohonan bagi apa-apa pengesahan oleh Pendaftar yang berhubungan dengan maklumat syarikat	50.00
48.	Penyerahsimpanan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan syarikat yang tidak disebut secara khusus dalam Jadual ini	100.00

Dibuat 26 Januari 2017
[KPDNKK 600-1/2/25; PN(PU2)740]

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
*Menteri Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan*

COMPANIES ACT 2016

COMPANIES REGULATIONS 2017

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation and commencement
2. Interpretation
3. Lodgement of documents or application through electronic filing system
4. Appeal through electronic filing system
5. Lodgement of documents, *etc.*, through other manner
6. Access to electronic filing system
7. Execution and keeping of documents
8. Fees
9. Additional information or documents
10. Affidavit and statutory declaration
11. Information or document certified by Registrar
12. Revocation

SCHEDULE

COMPANIES ACT 2016

COMPANIES REGULATIONS 2017

IN exercise of the powers conferred by section 613 of the Companies Act 2016 [Act 777], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Companies Regulations 2017**.

(2) These Regulations come into operation on 31 January 2017.

Interpretation

2. In these Regulations, “electronic filing system” means the electronic filing system provided by the Registrar for the purposes of lodgement of any document, or making any application or appeal as determined by the Registrar.

Lodgement of documents or application through electronic filing system

3. All documents required to be lodged with the Registrar under the Act, and all applications for any matters as specified in the Schedule, shall be lodged or made, as the case may be, through the electronic filing system unless otherwise directed by the Registrar.

Appeal through electronic filing system

4. (1) For the purposes of an appeal to the Minister under section 27 or 247 of the Act, an aggrieved person shall—

(a) submit such appeal to the Registrar through the electronic filing system unless otherwise directed by the Registrar; and

(b) state the grounds of appeal.

(2) Upon receipt of the appeal under subregulation (1), the Registrar shall, as soon as practicable, submit the appeal together with the grounds of appeal to the Minister.

(3) The Minister shall decide on such appeal and cause the decision to be communicated to the aggrieved person.

Lodgement of documents, etc., through other manner

5. Where it is not practicable or not possible for any document, application or appeal referred to in regulation 3 or 4 to be lodged or made, as the case may be, through the electronic filing system, the Registrar may allow the document, application or appeal to be lodged or made in such other manner as he thinks fit.

Access to electronic filing system

6. (1) Subject to subregulation (3), for the purposes of lodgement of any document, or making an application or appeal referred to in regulation 3 or 4, as the case may be, through the electronic filing system, the Registrar may give one or more secretaries of the company access to the electronic filing system.

(2) The secretary of the company who is given access to the electronic filing system under subregulation (1) shall lodge the document, or make the application or appeal, on behalf of the company or directors of the company.

(3) The Registrar may give any other person access to the electronic filing system for the purposes of lodgment of documents, or making an application or appeal referred to in regulation 3 or 4, as the case may be, if such person is allowed to lodge the documents, or make the application or appeal under the Act.

Execution and keeping of documents

7. A company or the directors of a company shall ensure that all documents, applications or appeals lodged or made, as the case may be, through the electronic filing system are—

- (a) in order and properly executed; and
- (b) kept at the registered office of the company.

Fees

8. (1) The fees in respect of any lodgement of documents, or any application or appeal for any matters, specified in column (2) of the Schedule shall be as specified in column (3) of the Schedule.

(2) The fees as specified in the Schedule shall be paid to the Registrar in such manner as the Registrar may direct.

(3) Any failure to pay the fees referred to in subregulation (2) shall render the lodgement of documents, application or appeal void.

(4) If the lodgement of documents, application or appeal is withdrawn, the fees paid in respect of such lodgement of documents, application or appeal shall not be refunded.

(5) The Registrar may reduce or waive, partly or wholly, any fees specified in the Schedule.

Additional information or documents

9. For the purposes of the Act, the Registrar may require any additional information or documents to be submitted to the Registrar in such manner as the Registrar may direct.

Affidavit and statutory declaration

10. (1) Where a company makes an affidavit or a statutory declaration, the affidavit or statutory declaration shall be sworn or declared by any director of the company or any person authorized by the company.

(2) Where an affidavit or a statutory declaration purports to be sworn or declared at a place outside Malaysia, the affidavit or statutory declaration shall be

sufficient for the purposes of the Act if it is purported to be sworn or declared in accordance with the law of that place.

Information or document certified by Registrar

11. The Registrar may certify, electronically or otherwise, any information, document, or any copy of or any extract from any document, lodged with the Registrar to be true information, a true document or a true copy of or extract from the document, as the case may be.

Revocation

12. The Companies Regulations 1966 [*P.U. (A) 173/1966*] are revoked.

SCHEDULE
(Regulation 8)

FEES

(1) <i>No.</i>	(2) <i>Matter</i>	(3) <i>Fees (RM)</i>
1.	Application for incorporation under section 14 of the Act: <i>(a)</i> company limited by share <i>(b)</i> company limited by guarantee <i>(c)</i> unlimited company	1,000.00 3,000.00 1,000.00
2.	Appeal to the Minister under section 27 or 247 of the Act	300.00
3.	Application for reservation of name of company under section 27 of the Act	50.00 for every thirty days or part thereof with a maximum of 180 days
4.	Application for change of name of company under section 28 of the Act	100.00
5.	Lodgement of alteration or amendment of constitution under section 36 of the Act	30.00
6.	Lodgement of notice for conversion from unlimited company to limited company under section 40 of the Act	500.00
7.	Lodgement of notice for conversion from public company to private company or from private company to public company under section 41 of the Act	500.00
8.	Application to the Minister under section 45 of the Act	300.00

9.	Lodgement of annual return under section 68 of the Act: <i>(a)</i> private company <i>(b)</i> public company	150.00 500.00
10.	Application for extension of time for giving notice under section 143 of the Act	100.00
11.	Application to the Minister for exemption from application of Subdivision 9 under section 153 of the Act	300.00
12.	Lodgement of prospectus registered with the Securities Commission under the Capital Markets and Services Act 2007 [Act 671] under section 154 of the Act	1,000.00
13.	Lodgement and application for registration of prospectus under section 155 of the Act	2,000.00
14.	Lodgement and application for registration of supplemental or replacement prospectus under section 166 of the Act	1,000.00
15.	Application to the Minister for order under section 177 of the Act	300.00
16.	Lodgement of statutory declaration to commence business or to exercise any borrowing powers under section 190 of the Act	500.00
17.	Application for extension of time for supplying statement of valuation of assets and liabilities of company under section 256 of the Act	100.00
18.	Lodgement of financial statements and reports under section 259 of the Act: <i>(a)</i> private company	

	(i) audited financial statements and reports	50.00
	(ii) non-audited financial statements and reports	20.00
	<i>(b)</i> public company	
	(i) audited financial statements and reports	200.00
19.	Application for extension of time for lodgement of financial statement and report under section 259 of the Act	100.00
20.	Lodgement of certificate relating to exempt private company under section 260 of the Act	200.00
21.	Lodgement of notification of new firm of auditors under section 265 of the Act	500.00
22.	Application for appointment of auditors under section 268 of the Act	500.00
23.	Application for extension of time to hold annual general meeting under section 340 of the Act	100.00
24.	Application for registration of charges under section 352, 354, 355 or 356 of the Act:	
	<i>(a)</i> private company and public company	300.00
	<i>(b)</i> foreign company	500.00
25.	Lodgement of notice of assignment or variation of charge under section 359 of the Act:	
	<i>(a)</i> private company and public company	100.00
	<i>(b)</i> foreign company	300.00
26.	Lodgement of particulars of payment, satisfaction, release or cessation relating to charge under section 360 of the Act:	

	(a) private company and public company	50.00
	(b) foreign company	150.00
27.	Application to strike off company from register under section 550 of the Act	100.00
28.	Lodgement of objection to strike off company from register under section 552 of the Act	300.00
29.	Lodgement of notice of withdrawal of application to strike off company from register under section 553 of the Act	500.00
30.	Application under section 556 of the Act: (a) for the Registrar to represent dissolved company (b) for the Registrar to execute or sign any relevant instrument or document relating to the representation of dissolved company	500.00 500.00 for each execution or signature of instrument or document
31.	Application for the Registrar to sell or dispose of property of dissolved company under section 558 of the Act	30% from the proceed of sale or disposal of the property + cost incurred incidental to the sale or disposal of the property
32.	Application for registration of foreign company under section 562 of the Act: (a) with share capital (i) not more than RM1,000,000.00 (ii) exceeding RM1,000,000.00 but not exceeding RM10,000,000.00	5,000.00 20,000.00

	(iii) exceeding RM10,000,000.00 but not exceeding RM50,000,000.00	40,000.00
	(iv) exceeding RM50,000,000.00 but not exceeding RM100,000,000.00	60,000.00
	(v) exceeding RM100,000,000.00	70,000.00
	(b) without share capital	70,000.00
33.	Application for change of name of foreign company under section 567 of the Act	250.00
34.	Lodgement of financial statements and reports of foreign company under section 575 of the Act	200.00
35.	Lodgement of annual return of foreign company under section 576 of the Act	500.00
36.	Application to the Minister for declaration of investigation of company or foreign company under section 590 of the Act	300.00
37.	Application for inspection of register under section 601 of the Act	10.00
38.	Application for copy of or extract from document, notification or certificate under section 601 of the Act	10.00
39.	Application for rectification of register under section 602 of the Act	300.00
40.	Application for extension of time for lodgement of document under section 609 of the Act	100.00
41.	Application for certification of any document relating to company or foreign company lodged with the Registrar	10.00

42.	Application for copy of corporate profile of company or corporation by— (a) ministry, department or agency of Federal Government (b) any other person (i) through electronic means (ii) through other than electronic means	Nil 10.00 30.00
43.	Application for any information relating to company or corporation (a) through electronic means (b) through other than electronic means	20.00 30.00
44.	Application for any information relating to involvement of shareholder, director, secretary, auditor or liquidator in any company	50.00
45.	Application for issuance of any certificate or copy of certificate relating to company	20.00
46.	Lodgement of court order except court order attached to any application under the Act	100.00
47.	Application for any confirmation by the Registrar relating to information of company	50.00
48.	Lodgement of any document relating to company not specifically mentioned in this Schedule	100.00

Made 26 January 2017
[KPDNKK600/1/2/25; PN(PU2)740]

DATO' SERI HAMZAH BIN ZAINUDIN
*Minister of Domestic Trade,
Co-operatives and Consumerism*